

## INTERVIEW WITH MAT AGEL BIN MAT DAUD

**File** : Video 20150814\_111838  
**Duration** : 02 Min. 08 Sec.  
**Date** : October 18, 2015  
**Address** : Mat Agel Bin Mat Daud's House, Kampung Lepah Jati, Dun Selising, Pasir Puteh, Kelantan  
**Interviewee** : Mat Agel Bin Mat Daud (Pak Agel) [Bomoh/Shaman, Mak Yong Performer & Musician]  
**Interviewer** : I [UMK Research Team Member]

- Pak Agel** : Tapi saya tak nak la cerita benda ni, sebenarnya kite takleh pakai. Bile kite pakai semangat padi, ore melayu takleh main semangat padi semangat padi ni gapo dio? Tahu tak semangat padi ni ape die? Lagu mane semangat padi? Semangat padi semangat padi ni iblis, pelesit! Hantu! Semangat padi ni hantu, yang kena di puja.
- Pak Agel** : Tapi saya tidak mahu cerita mengenai perkara ini. Sebenarnya kita tidak boleh guna. Apabila kita menggunakan semangat padi, orang melayu tidak boleh bermain. Semangat padi ini adalah iblis, pelesit dan hantu. Ia perlu dipuja.
- Pak Agel** : But I do not want to discuss this subject, (worshiping paddy spirit) is not something that we should practice. When we worship the paddy spirit, the Malays should not 'play' with it. Paddy spirit, what is it? Do you know what is the paddy spirit? How the paddy spirit (would behave)? The paddy spirit, the paddy spirit is the devil, ghoul and ghost. It needs to be worshiped/ appeased.
- I : Tapi semua buku tulis macam itu haa.  
I : But, all the books stated it as such.
- Pak Agel** : Seri Temenggung punye hal.. Seri Temenggung punye hal.  
**Pak Agel** : Ini disebabkan oleh Seri Temenggung.  
**Pak Agel** : This is all because of Seri Temenggung.. this is all because of Seri Temenggung.
- I : Ooo sebab Ghulam Sarwar pun.  
I : Ooo because of Ghulam Sarwar also.
- Pak Agel** : Ghulam Sarwar pun satu hal dia nak percaya pada hindu.  
**Pak Agel** : Ghulam Sarwar pun satu hal, dia nak percaya kepada Hindu.  
**Pak Agel** : Ghulam Sarwar (is also the cause). He believes in Hinduism.
- Pak Agel** : Semangat padi hantu bukan mene, Mok Yong permainan, hantu buke permainan. Benda ni beza kei kena cari dulu sikit pendapat tu biar lain sikit jangan nak persamaan. Kalau kite tahu benda ni hantu bakpo orang Melayu nak main? Itu bercanggah dengan majlis agama Islam.
- Pak Agel** : Semangat padi ini adalah hantu bukannya permainan. Mak Yong adalah satu permainan, hantu bukan permainan. Benda ini beza kena cari dulu sikit pendapat itu biar lain sikit jangan nak ada persamaan. Kalau kita tahu benda ini hantu buat apa orang Melayu nak main? Itu bercanggah dengan majlis agama Islam.
- Pak Agel** : Paddy spirits is a (matter of) ghosts, it's not a game. Mak Yong is a game, (the matter of) ghosts is not a game. These matters are different, different opinions (regarding this) need to be seek, let it be little different and not keep looking for the similarity. If we know this thing is a matter of ghosts, why do the Malays want to perform it? This is in conflict with the Islamic Council.

I : Ooo.  
I : Ooo.

- Pak Agel** : Semangat padi ni kalu padi yang kite pukul tu bawak balik masuk dalam rumah die tu tempat simpan padi tu, padi tu boleh bergerak tahu. Dio kene cede pulut kuning, minyok bubuh dalam piring, aaa bertih, pise, aaaa pase lilin. Padi tu boleh bergerak kite nampak mace gerok, itu semangat padi. Semangat padi semangat padi makhluk halus, makhluk yang takleh dinampak buat pe kite nak bersama dengan Mak Yong? Mak Yong ni permainan manusia, tak boleh.. jange! Tapi kite taknak la teke, kalu kite teke, pasal buku die dah keluar, haaa ini yang jadi syirik tak boleh main bagi orang Melayu orang Islam syirik!  
**Percaya pada iblis main iblis.**
- Pak Agel : Semangat padi ini sekiranya padi yang kita pukul itu dibawa balik dan disimpan dalam rumah, padi tersebut boleh begerak, tahu? Dia perlu dihidangkan pulut kuning, minyak diletakkan dalam piring, aaa bertih, pisang, aaaa pasang lilin. Kita dapat melihat padi itu bergerak, itu semangat padi. Semangat padi, semangat padi adalah makhluk halus, makhluk yang tidak dinampak buat apa kita nak digunakan bersama Mak Yong? Mak Yong ini permainan manusia, tidak boleh.. jangan! Tapi kita tidak nak lah tekan, kalau kita tekan, pasal bukunya dah diterbit, haaa, ini yang jadi syirik tidak boleh main bagi orang Melayu, orang Islam. Syirik!
- Pak Agel : *This paddy spirit, if the paddy that we use (from the paddy field) is brought back and keep in the house, that paddy can move you know? We have to offer it with pulut kuning (yellow sticky rice), a saucer of oil, aaa bertih (grains of rice cooked without oil), banana, ah lit candles. We can see the paddy moves, that's the paddy spirit. The paddy spirit is a supernatural being, a being that we can't see with our eyes, what good is it if we associate (paddy spirit) with Mak Yong? Mak yong is a human's game, cannot.. don't! But we don't want to emphasize them, if we emphasize, the book is already out, haaa, this is the thing that becomes blasphemous, cannot be performed for or by the Malays, the Muslims. It's blasphemous! [(If you) believe and worship the spirits.]*

UNIVERSITI  
-END-  
MALAYSIA  
KELANTAN